

21/04/1997

Universiti Putra Malaysia janjikan imej baru

Mohd Faud Razali

PADA 3 April lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pertukaran nama Universiti Pertanian Malaysia (UPM) kepada nama barunya, Universiti Putra Malaysia.

Pertukaran kepada nama baru itu memang sudah dijangkakan. Di kalangan kakitangan UPM sendiri sudah hangat diperkatakan sejak tiga tahun lalu.

Malah sebelum itu lagi, beberapa pihak di luar UPM sendiri turut memperkatakan mengenai kemungkinan UPM menukarkan namanya berikutan kepelbagaian kursus pengajian yang ditawarkannya, tidak lagi terhad kepada bidang pertanian sahaja.

Bagi pihak ini, kepelbagaian itu bukan sahaja tidak lagi mencerminkan namanya, malah sering menyebabkan orang ramai salah faham terhadap UPM sendiri.

Malah beberapa kakitangan UPM sendiri memberitahu untuk sekian lama universiti itu seolah-olah berada dalam senarai akhir calon yang hendak melanjutkan pelajaran ke universiti.

Pernah berlaku kejadian seorang pelajar UPM ditanya oleh seorang hamba Allah mengenai kursus pengajiannya.

Apabila dijawab oleh pelajar itu ia mengikuti kursus Sains Komputer.

Ternganga seketika orang yang bertanya.

"Di UPM pun ada Sains Komputer?" kata orang itu terus tercengang.

Pernah juga berlaku graduan Perniagaantani berasa seolah-olah tersisih daripada kebanyakan syarikat yang memerlukan calon lulusan bidang Perniagaan kerana kebanyakan majikan menyangka mereka hanya belajar mengenai pertanian semata-mata.

Malah ada yang bertanya, "Apa yang kamu belajar dalam Perniagaantani?" Begitulah senario yang dihadapi bukan sahaja oleh UPM malah oleh kebanyakan graduannya untuk sekian lama.

Seperti kata Dr Mahathir, nama baru itu selaras dengan pencapaian serta pembabitan bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh UPM dalam bidang sains selama ini.

Ia juga adalah langkah strategik untuk mencerminkan kedudukan UPM sebagai pusat pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai program pengajian, termasuk teknologi maklumat, tidak terhad kepada pertanian.

Sebenarnya dalam usianya yang menjangkau hampir suku abad itu, UPM memberikan sumbangan yang bermakna dalam menjayakan sistem pendidikan negara.

Menerusi latihan yang dijalankannya, UPM terbukti berupaya menyediakan sumber tenaga terlatih sejajar dengan keperluan negara, sama ada di peringkat pengurusan mahupun separa ikhtisas, khususnya di bidang sains dan teknologi.

Sejak ditubuhkan pada Julai 1973, universiti itu mengalami perkembangan pesat dari segi prasarana, pelajar dan kakitangan.

Bermula dengan 1,559 pelajar sulung, sehingga tahun lalu, UPM sudah mengeluarkan 29,683 siswazah dalam bidang sains, pertanian, pembangunan manusia, veterinar, sains komputer, perikanan, perhutanan, kejuruteraan, perniagaan tani, ekonomi, perakaunan, teknologi makanan dan pendidikan.

Daripada jumlah itu, 12,804 adalah pemegang diploma, 16,271 sarjana muda, 505 sarjana dan 103 doktor falsafah.

Menyusuri sejarahnya, UPM bermula dengan Sekolah Pertanian di kawasan seluas lapan hektar yang dibuka pada 21 Mei 1931 oleh Pegawai Pentadbir

bagi Kerajaan Negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi Ex-Officio Negeri Melayu Bersekutu, John Scott.

Sekolah itu ditubuhkan untuk melatih dan mengeluarkan pegawai Jabatan Pertanian.

Kursus yang ditawarkan di peringkat diploma mengambil masa tiga tahun dan peringkat sijil selama setahun.

Sehingga 1941 (sebelum Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun) sekolah itu berjaya melatih 321 pegawai. Daripada jumlah itu, 155 adalah pemegang diploma dan 166 pemegang sijil.

Pada 23 Jun 1947, status Sekolah Pertanian dinaikkan menjadi Kolej Pertanian Malaya oleh Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent.

Tahun berikutnya cadangan dibuat supaya tarafnya dinaikkan menjadi universiti atau Fakulti Pertanian Universiti Malaya (ketika itu bertempat di Singapura). Bagaimanapun, cadangan itu ditangguhkan akibat meletusnya darurat pada pertengahan 1948.

Apabila Fakulti Pertanian ditubuhkan di UM pada 1960, Majlis Kolej Pertanian Malaya kemudian menjadi sebahagian daripada UM apabila statut untuk tujuan itu diluluskan pada 1 Januari 1962. Memandangkan negara ketika itu bergantung kepada ekonomi pertanian, kerajaan berpendapat Kolej Pertanian perlu dikembangkan supaya dapat memberi sumbangan yang berkesan dalam pembangunan pertanian dan ekonomi negara. Sehubungan itu, kerajaan memperuntukkan RM7.9 juta untuk pembangunan Kolej Pertanian dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Peruntukan ini digunakan untuk menambah pengambilan pelajar dan pegawai, membina dewan kuliah, makmal sains serta membuka lebih banyak kawasan.

Tanggal 31 Mac 1969 menjadi tarikh keramat bagi UPM apabila Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein membuat pengumuman penting mengenai masa depan Kolej Pertanian Malaya ketika merasmikan pembukaan bangunan tambahannya.

Saranan ini akhirnya menjadi kenyataan apabila Yang di-Pertuan Agong menandatangani Perintah Perbadanan mengikut Akta Universiti dan Kolej Pertanian 1971. Perintah Perbadanan itu disiarkan menerusi Warta Kerajaan PU(A)387 pada 29 Oktober 1971. Dengan itu tertubuhlah UPM berasaskan percantuman antara Kolej Pertanian Malaya dan Fakulti Pertanian UM.

UPM bermula dengan tiga fakulti asas iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Penternakan, serta Bahagian Sains Asas.

Bagaimanapun, dalam tempoh lebih dua dekad ini, UPM menambah lapan fakulti baru menjadikan 11 fakulti semuanya di samping lima pusat pengajian dan sokongan kepada kegiatan pengajaran yang dijalankannya.

Lapan fakulti tambahan itu ialah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi, Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Bahasa Moden, Fakulti Rekabentuk dan Senibina dan Fakulti Bioperubatan dan Sains Kesihatan. Lima pusat pengajian dan sokongan itu pula ialah Pusat Islam, Pusat Komputer, Pusat Pengajian Matrikulasi, Pusat Pengajian Siswazah, Institut Biosains.

Fakulti dan pusat itu mengendalikan empat program matrikulasi, enam program diploma, 31 sarjana muda serta pengajian siswazah di peringkat sarjana dan doktor falsafah dalam pelbagai bidang.

Bilangan program yang ditawarkan kini bertambah berbanding tahun pertama UPM memulakan pengajarannya.

Ketika itu, UPM hanya menawarkan program Sarjana Muda Sains Pertanian, Sarjana Muda Sains Perhutanan, Doktor Perubatan Veterinar, Diploma Pertanian, Diploma Teknologi Rumah Tangga, Diploma Sains Peternakan, Diploma Sains dengan Pendidikan dan program Pendahuluan.

Bagaimanapun, program yang ditawarkan di UPM kini tidak terbatas kepada

bidang pertanian, sebaliknya menjangkau pelbagai bidang seperti kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik, sains komputer, pengurusan serta pendidikan. UPM kini mempunyai sebuah kampus cawangan di Kuala Terengganu yang dikenali sebagai Universiti Kolej Terengganu yang menempatkan Fakulti Sains dan Sastera serta Fakulti Teknologi dan Sains Gunaan. Selain itu ia juga menawarkan program matrikulasi.

Selain itu, UPM juga mempunyai Pusat Pengajian Oseanografi dan Marikultur di Port Dickson. Sebelum ini UPM juga mempunyai kampus di Bintulu, Sarawak (kini menempatkan Maktab Perguruan Sains Bintulu). Kampus itu dahulunya menawarkan program di bidang pertanian dan perhutanan.

(END)